

NO. SOALAN: 222

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

RUJUKAN : 8726

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Pengerusi Pertubuhan Mindan dan Sosial Prihatin, Ramesh Rao Krishnan Naidu yang telah mengaku bahawa beliau adalah seorang si bankrupt. Jika tiada, kenapa tiada langkah dan/atau tindakan yang di ambil oleh Registrar of Society terhadap seorang bankrupt yang memegang jawatan Pengerusi di dalam sebuah pertubuhan.

JAWAPAN:

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) mengambil perhatian berhubung aduan terhadap Pengerusi Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin, Ramesh Rao Krishnan Naidu yang dikatakan sedang dalam status bankrap. Siasatan telah dibuat dan didapati dakwaan terhadap beliau adalah benar. Sehubungan itu, pihak JPPM telah menasihati Ramesh Rao supaya meletakkan jawatan sekiranya beliau masih tertakluk di bawah sekatan status bankrap. Namun begitu pada Disember 2015, Jabatan Insolvensi telah membatalkan dan melepaskan status bankrap terhadap Ramesh Rao dan oleh yang demikian beliau adalah kekal memegang jawatan sebagai Presiden Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin.